

Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Ahmad Puhad Bin Alim & Nazatul Akma Binti Zakaria
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi ibu bapa Melayu muslim Bandar terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Responden bagi kajian ini adalah ibu bapa Melayu muslim bandar yang tinggal di Taman Melur, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan. Populasi bagi kajian ini adalah seramai 260 orang ibu bapa Melayu muslim bandar. Keseluruhan populasi menjadi sampel kajian. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik bagi kajian ini adalah menggunakan skala Likert yang mengandungi 30 item soalan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Packages For Social Sciences Windows* (SPSS) versi 12.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.896. Dapatan kajian menunjukkan persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap pemilikan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah pada tahap min yang sederhana iaitu dengan nilai min 3.03, diikuti dengan persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah pada tahap min yang sederhana iaitu dengan nilai min 2.90 dan kecenderungan ibu bapa Melayu muslim bandar untuk membelikan telefon bimbit kepada anak-anak berada pada tahap min sederhana iaitu dengan nilai min 2.97. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Katakunci: persepsi ibu bapa, penggunaan telefon bimbit, pelajar sekolah menengah

Pengenalan

Pendekatan dalam komunikasi Islam telah banyak memberi manfaat terhadap seluruh manusia di muka bumi Allah S.W.T. Pada masa kini, wujudnya perkembangan industri telekomunikasi yang begitu pantas dalam negara terutamanya dalam telefon mudah alih atau lebih dikenali sebagai telefon bimbit untuk memudahkan cara berkomunikasi antara manusia dengan manusia yang lain samada di desa mahupun di bandar. Telefon bimbit merupakan suatu alat komunikasi yang amat penting dalam hidup masyarakat (Ripaee Arip, 1994: 7).

Pernyataan Masalah

Di Malaysia, penggunaan telefon bimbit kian meningkat dan mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda terutamanya kepada golongan remaja. Statistik menunjukkan bahawa 20.5 peratus daripada 92.5 peratus adalah para remaja yang menggunakan perkhidmatan telefon bimbit (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, 2006: 11). Mereka ini tidak mahu ketinggalan dalam menggunakan kelengkapan yang serba canggih ini kerana ia dapat banyak memberi kemudahan kepada penggunanya.

Dalam kepelbagaian penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah, terdapat sebahagian pendapat yang melihat akan kebaikan dan keburukan terhadap penggunaan telefon bimbit. Oleh itu, penyelidik ingin mengetahui apakah persepsi ibubapa terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik. Objektif tersebut adalah :

- 1 Mengetahui persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap pemilikan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 2 Mengetahui persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 3 Mengetahui kecenderungan ibu bapa Melayu muslim bandar untuk membelikan telefon bimbit kepada anak-anak.

Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap kajian yang dijalankan akan mendapat gambaran sebenar kepada semua pihak mengenai “Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah”. Terdapat banyak kepentingan kajian ini dijalankan diantaranya ialah hasil kajian boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk mengetahui persepsi ibu bapa terhadap penggunaan dan pemilikan telefon bimbit dalam kalangan pelajar. Antara lain pihak sekolah, kementerian dan ibu bapa juga boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengambil langkah berhati-hati apabila hendak memberikan atau membelikan telefon bimbit kepada anak-anak mereka. Kajian ini juga boleh digunakan oleh semua pihak dalam isu penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah pada masa akan datang.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di taman perumahan iaitu Taman Melur yang berada di kawasan bandar Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan. Penduduk Taman Melur ini di huni kebanyakan oleh orang Islam iaitu sebanyak 90 peratus (Diperolehi daripada Jabatan Perangkaan, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan). Kajian hanya tertumpu kepada ibu bapa Melayu muslim bandar di kawasan bandar Teluk Intan. Dalam kajian, kebolehpercayaan data yang dikumpulkan bergantung kepada jawapan ibu bapa Melayu muslim sebagai responden semasa menjawab soalan soal selidik yang diedarkan. Penyelidik memberikan setiap satu set soal selidik kepada ibu bapa sebagai responden di dalam kajian.

Selain itu, ia juga dipengaruhi oleh suasana dan peristiwa kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Oleh yang demikian, peristiwa yang terjadi semasa kajian dijalankan tidak dapat memberi gambaran sebenar ibu bapa Melayu muslim di tempat yang lain. Segala penemuan dan hasil kajian adalah terbatas kepada populasi kajian yang dikaji oleh penyelidik.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada ibu bapa Melayu muslim bandar di Taman Melur, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan. Populasi dalam kajian ini hanya ibu bapa Melayu muslim sahaja. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 260 orang responden. Keseluruhan populasi menjadi sampel dalam kajian dan diberikan setiap seorang satu set borang soal selidik. Walaubagaimanapun, daripada 260 orang tersebut hanya 81 sahaja yang mengembalikan set soal selidik. Ini bermakna 31% daripada jumlah populasi adalah mencukupi untuk menjadi sampel kerana menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38), 30% daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk dijadikan sampel kajian.

Instrumen Kajian

Semasa melaksanakan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

1 Pengumpulan Data Primer

Soal Selidik

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set boring soal selidik (*questionnaire survey method*) yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (2005: 202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Soal selidik ini akan diedarkan setiap satu kepada ibu bapa Melayu muslim bandar di Taman Melur, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan. Bagi mendapatkan maklum balas, penyelidik menyerahkan dan mengumpulkan sendiri set soal selidik tersebut. Borang soal selidik tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu A, B, C dan D.

Bahagian A adalah mengenai demografi atau latar belakang responden. Manakala bahagian B, C dan D pula mengandungi jumlah kesemua soalan yang perlu dijawab oleh responden iaitu merangkumi 30 item bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Berikut adalah item-item bagi setiap bahagian:-

i. Bahagian A

Bahagian A set soal selidik mengandungi 9 item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Aspek-aspek yang akan disoal dalam bahagian ini ialah jantina, umur, pekerjaan, latar belakang pendidikan, bilangan anak, bilangan tanggungan yang masih bersekolah, jumlah pendapatan keluarga, jumlah telefon bimbit yang dimiliki di rumah dan jumlah bilangan anak yang mempunyai telefon bimbit di rumah yang di ambil daripada responden. Pada bahagian ini responden diminta menandakan satu jawapan pilihan yang diberi.

ii. Bahagian B

Bahagian B pula mengandungi 10 item berkaitan dengan apakah persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap pemilikan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

iii. Bahagian C

Bahagian C pula mengandungi 10 item mengenai apakah persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

iv. Bahagian D

Bahagian D mengandungi 10 item mengenai apakah ibu bapa Melayu muslim bandar cenderung untuk membelikan telefon bimbit kepada anak-anak.

Dalam bahagian B, C dan D soalan soal selidik, penyelidik menggunakan skala Likert. Responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem yang lain (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999: 97).

Penyelidik menggunakan soal selidik yang bersifat positif dan negatif yang bertujuan untuk mengalakkan responden memberi maklum balas yang dikehendaki dalam pemilihan jawapan skala Likert yang menjadi pengukur untuk menjelaskan setiap skor yang diperolehi daripada item-item yang terbabit.

2 Pengumpulan Data Sekunder

Data-data sekunder yang sesuai amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekaligus dapat menyokong kajian yang dijalankan ini. Data-data ini diperolehi melalui:

- i. Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), UTM.
- ii. Buku-buku, latihan ilmiah dan kertas kerja di Perpustakaan Peringatan ZA'ba, Universiti Malaya.
- iii. Buku-buku dan kertas projek (tesis dan dasterasi) di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- iv. Surat khabar dan artikel majalah.
- v. Internet.

Kajian Rintis

Penyelidik telah membuat kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas responden. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memberi peluang kepada penyelidik menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan seterusnya menguji kesahan item. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 186), kajian rintis digunakan sebagai teknik untuk menguji kesahan isi.

Penyelidik telah membuat kajian rintis kepada 10 orang responden. Responden adalah terdiri daripada ibu bapa Melayu muslim bandar di sekitar Medan Maju Jaya, Petaling Jaya, Selangor. Bagi mencari nilai *Alpha Cronbach*, pekali kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini adalah ditentukan dengan menggunakan perisian computer "*Statistical Package For Social Science*" (SPSS) versi 12.0. Berdasarkan analisis yang dibuat, *alpha* yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.896. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 100), sekiranya nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.8, bermakna tahap kesahan atau kebolehpercayaan item yang di uji adalah tinggi. Ini menunjukkan soalan yang telah direkabentuk oleh penyelidik mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Keputusan

Analisis keseluruhan ini adalah berkaitan dengan analisis ketiga-tiga persoalan kajian. Berikut ditunjukkan analisis keseluruhan bagi setiap persoalan kajian :

Jadual 1: Rumusan dapatan kajian Apakah Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Pemilikan Telefon Bimbit dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.

Item	Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
		K	%	K	%	K	%	
1	Saya ceria apabila anak saya memiliki telefon bimbit.	37	45.7	30	37.0	14	17.3	3.26
2	Saya mahu anak saya sentiasa kelihatan hebat dengan mempunyai telefon bimbit.	6	7.40	34	41.9	41	50.6	2.37
3	Saya berbangga jika anak saya memiliki telefon bimbit.	7	8.60	33	40.7	41	50.6	2.46
4	Saya mahu anak saya kelihatan mewah dengan memiliki telefon bimbit.	2	2.50	25	30.9	54	66.7	2.05
5	Saya rasa wajar setiap pelajar sekolah memiliki telefon bimbit.	18	22.2	46	56.79	17	21.0	3.02
6*	Saya merasa tidak salah telefon bimbit digunakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.	59	72.84	15	18.5	7	8.60	1.98
7	Saya mahu anak saya tidak ketinggalan dalam perkembangan industri telekomunikasi.	61	75.31	10	12.3	10	12.3	3.79
8	Saya tidak marah apabila anak saya mengunjungi kedai telefon bimbit.	50	62.5	26	32.09	5	6.2	3.60
9	Saya sentiasa berhubung dengan anak saya melalui telefon bimbit.	66	81.48	10	12.3	5	6.2	4.05
10.	Hubungan saya dan anak saya akan menjadi erat dengan memiliki telefon bimbit.	57	70.37	16	19.8	8	9.9	3.75
Purata min keseluruhan								3.03

Nota: Min bagi item berbentuk negatif yang bertanda (*) : Skor telah diterbalikkan

Jadual 2: Rumusan dapatan kajian Apakah Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.

Item	Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
		K	%	K	%	K	%	
11	Saya suka berSMS dengan anak saya kerana ia mudah dan cepat.	47	58.02	16	19.8	18	22.2	3.52
12	Saya mengetahui anak saya menghantar "SMS" dan "MMS" kepada rakan-rakan.	45	55.6	26	32.1	10	12.3	3.51
13*	Saya turut tersenyum apabila mendengar perbualan anak saya dengan rakan melalui telefon bimbit.	31	38.3	30	37.0	20	24.7	2.80
14	Saya tahu anak saya sentiasa membawa telefon bimbit ke sekolah.	17	21.0	28	34.6	36	44.44	2.58
15*	Saya membiarkan anak saya menggunakan telefon bimbit pada waktu malam.	31	38.3	37	45.7	13	16.0	2.70
16*	Anak saya selalu tidur lewat kerana berbual-bual dengan rakan melalui telefon bimbit.	40	49.4	26	32.1	15	18.5	2.47
17*	Saya tidak marah anak saya menghabiskan banyak masa berbual melalui telefon bimbit.	58	71.60	18	22.2	5	6.2	2.04
18*	Anak saya kurang membaca buku kerana sentiasa menggunakan telefon bimbit.	38	46.9	16	19.8	27	33.3	2.69
19*	Anak saya banyak menghabiskan masa dengan bermain "permainan" yang terdapat dalam telefon bimbit.	32	39.5	25	30.9	24	29.6	2.79
20.	Saya sentiasa memantau setiap penggunaan telefon bimbit anak saya.	63	77.8	11	13.6	7	8.60	3.93
Purata min keseluruhan								2.90

Nota: Min bagi item berbentuk negatif yang bertanda (*) : Skor telah diterbalikkan

Jadual 3: Rumusan dapatan kajian Apakah Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Cenderung Untuk Membelikan Telefon Bimbit Kepada Anak-Anak.

Item	Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
		K	%	K	%	K	%	
21	Anak saya sangat berminat menggunakan telefon bimbit.	60	74.07	14	17.3	7	8.60	3.84
22	Saya berasa rugi jika anak saya tidak mempunyai telefon bimbit.	33	40.7	23	28.4	25	30.9	3.02
23	Saya bercadang untuk membelikan telefon bimbit kepada anak saya.	33	40.7	29	35.8	18	22.2	3.14
24	Apabila ada kerosakkan telefon bimbit yang dimiliki anak saya, saya akan mengantikannya dengan yang baru.	16	19.8	27	33.3	38	46.91	2.57
25	Saya membelikan telefon bimbit kepada anak saya kerana harganya murah di pasaran.	42	51.85	19	23.5	20	24.7	3.22
26	Saya membelikan telefon bimbit yang mahal dan berjenama supaya anak saya nampak bergaya.	2	2.5	22	27.2	57	70.37	1.95
27	Saya sanggup memperuntukkan perbelanjaan untuk membelikan prepaid kepada anak saya.	21	25.9	29	35.8	31	38.3	2.67
28	Kebanyakan rakan-rakan anak saya mempunyai telefon bimbit.	59	72.84	13	16.0	9	11.1	3.77
29	Saya berasa selesa apabila anak saya mempunyai telefon bimbit.	40	49.4	29	35.8	12	14.8	3.37
30*	Saya terpengaruh dengan iklan telefon bimbit dan bercadang untuk menukar telefon bimbit yang ada kepada yang baru.	49	60.49	24	29.6	8	9.9	2.15
Purata min keseluruhan								2.97

Nota: Min bagi item berbentuk negatif yang bertanda (*) : Skor telah diterbalikkan

Perbincangan

Apakah Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Pemilikan Telefon Bimbit Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Menurut Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Fatimah Abdullah beliau berkata, walaupun telefon bimbit memudahkan ibu bapa berkomunikasi dengan pelajar tetapi ia juga akan memberi kesan secara langsung kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran di sekolah (<http://www.utusan.com.my>).

Dalam kajian Low Yike Ping, (1999: 3), industri telekomunikasi di Malaysia merupakan salah satu sektor yang sedang mengalami pertumbuhan yang pesat dalam negara. Oleh itu, ia merupakan salah satu kunci peransang utama yang menyumbang ke arah mencapai peindustrian yang moden dalam negara. Melalui penerimaan teknologi selular ataupun telefon bimbit oleh penduduk Malaysia adalah peningkatan kepada keperluan untuk perkhidmatan telekomunikasi yang lebih sofistikated di mana ia menunjukkan bahawa industri ini akan mengalami perkembangan yang pesat.

Berdasarkan kepada hasil kajian tersebut, penyelidik mendapati melalui karya Nabil Johari, penggunaan telefon bimbit memudahkan remaja untuk menghubungi keluarga di mana sahaja mereka berada. Di samping itu, ia juga boleh merapatkan hubungan silaturahim dengan keluarga dan rakan-rakan sama ada jauh atau dekat. Misalnya, melalui telefon bimbit 3G membenarkan mereka berbual sambil melihat wajah pemanggil dan ini boleh mengubat perasaan rindu (<http://www.rubiyah.net>).

Secara kesimpulannya, min keseluruhan yang diperoleh iaitu sebanyak 3.03 yang berada di tahap yang sederhana iaitu 2.50 hingga 3.49 sebagaimana telah dinyatakan dalam jadual 4.40 yang menunjukkan apakah persepsi ibu bapa Melayu muslim Bandar terhadap pemilikan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Apakah Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Selain itu dalam kajian Hazimah Abdul Hamid, (2005: 7), perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) merupakan perkhidmatan yang menjadi “kegilaan” remaja masa kini. Bukan sahaja kerana kosnya murah iaitu kebiasannya dalam 5 sen hingga 20 sen untuk satu perSMS. Melalui SMS ia merupakan satu cara yang terbaik untuk berkomunikasi bagi remaja zaman sekarang.

Responden turut tersenyum apabila mendengar perbualan anak responden dengan rakan melalui telefon bimbit adalah pernyataan bagi item 13 iaitu mencatat peratus sebanyak 38.3%. Manakala bagi pernyataan 14 ialah responden mengetahui anak responden membawa telefon bimbit di kawasan sekolah iaitu sebanyak 21.0% yang bersetuju dengan pernyataan ini. Daripada kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa tidak tahu bahawa anak mereka membawa telefon bimbit ke kawasan sekolah.

Berdasarkan kepada hasil kajian melalui penyelidikan yang disiarkan dalam akhbar “*The Independent*” menunjukkan penggunaan telefon bimbit paling membimbangkan bagi kanak-kanak dan remaja, yang kebanyakannya menggunakan telefon pada lewat malam di mana mereka memerlukan tidur yang mencukupi dalam kajian tersebut. Oleh itu, kegagalan mendapat tidur yang mencukupi boleh membawa kepada perubahan mood dan personaliti, kemurungan, kurang tumpuan dan persembahan akademik yang teruk (http://www.bharian.com.my:80/Current_news/BH/Monday/Dunia/20080120215934/Article/index_html).

Amalan membaca telah disedari kepentingannya oleh semua golongan sama ada ibu bapa, pendidik, pentadbir dan masyarakat amnya. Membaca ialah suatu aktiviti yang boleh membangunkan intelektual, membentuk pemikiran yang kreatif dan dinamis serta dapat melahirkan masyarakat yang progresif (Shabibah Shaufit Affandi, 1999: 1). Ini dikuatkan lagi dengan 60% remaja lebih gemar berbalas-balas SMS berbanding membaca buku. Ini menunjukkan gambaran bahawa telefon bimbit memberikan banyak pengaruh dalam kehidupan mereka (Alex Wong, Berita Harian : 15 Februari 2003: 8).

Menurut Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Ismail Nihat, terdapat pandangan mengatakan bahawa pelajar lebih suka menghabiskan masa dengan permainan dalam telefon bimbit serta melanggar disiplin seperti mengambil gambar tidak sopan (Azran Jaffar, Berita Minggu: 22 Januari 2006).

Kesimpulannya, berdasarkan min keseluruhan yang diperolehi iaitu 2.90 yang terletak di bawah skala sederhana iaitu di antara 2.50 hingga 3.49 mengenai apakah persepsi ibu bapa Melayu muslim bandar terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Apakah Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Cenderung Untuk Membelikan Telefon Bimbit Kepada Anak-Anak

Terdapat remaja yang sanggup tidak berbelanja wang saku yang diberikan oleh ibu-bapa hanya semata-mata mahu berjimat untuk membeli prabayar (prepaid) telefon masing-masing. Ini memberikan gambaran awal betapa terpengaruhnya telefon bimbit dalam dunia hari ini terutamanya dalam kalangan remaja yang bergaya memiliki telefon bimbit yang canggih dan terkini (Syakira Abdullah, 2003: 18).

Responden merasa rugi jika anak responden tidak mempunyai telefon bimbit adalah bagi item 22 dengan keputusan peratus sebanyak 40.7% bersetuju adalah sama dengan dapatan bagi item 23 mengenai responden bercadang untuk membelikan telefon bimbit kepada anak responden. Menurut Zalina Yahaya, seorang wartawan utusan kebanyakan ibu bapa mampu untuk membelikan telefon bimbit kepada anak-anak dengan alasan untuk mengawasi dan demi keselamatan anak-anak di sekolah (<http://www.utusan.com.my>).

Di samping itu, pernyataan ini dikuatkan lagi Utusan Malaysia, 20 Mei 2001, menurut pandangan Syed Hussein Al-Atas, “kalau pembelian telefon bimbit lebih diutamakan, tandanya mereka tidak serius untuk belajar. Ertinya mereka akan memikirkan untuk mencapai kelulusan sekadar lulus sahaja” (<http://www.utusan.com.my>).

Menurut Samat Buang, (2006: 8), semua orang dapat memiliki telefon bimbit kerana ia murah dan harganya berpatutan. Ini jelas dibuktikan melalui item 25 bahawa peratus bersetuju adalah seramai 51.85% responden membelikan telefon bimbit kepada anak responden kerana harganya murah di pasaran.

Seterusnya bagi item 26, mencatat peratus sebanyak 2.5% bersetuju apabila responden membelikan telefon bimbit yang mahal dan berjenama supaya anak responden nampak bergaya. Keputusan peratus adalah sedikit kerana ramai responden tidak bersetuju adalah disebabkan bagi responden tidak perlulah terlalu terpengaruh untuk memiliki telefon bimbit yang paling canggih dalam pasaran jika hanya sekadar hidup menggunakan wang daripada ibu-bapa. Oleh yang demikian, memadai dengan telefon bimbit yang sederhana tetapi boleh mendekatkan silaturahim dengan keluarga berbanding telefon mahal tetapi hilang keberkatan (Syakira Abdullah, 2003: 18).

Menurut Bekas ketua Pengarah pendidikan , Tan Sri Abdul Rahman Arshad pula percaya penggunaan telefon bimbit juga akan menimbulkan jurang pemisah antara pelajar miskin dan kaya hingga mencetus

suasana yang tidak harmoni (Utusan Malaysia Online: 14 Jan 2006). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar sekolah memiliki telefon bimbit sendiri.

Namun, aspek pengiklanan juga adalah faktor-faktor yang menarik minat remaja menggunakan telefon bimbit. Pengiklanan merupakan suatu aspek yang penting kerana ia merupakan panduan kepada pengguna untuk mengetahui keluaran sesuatu produk atau perkhidmatan di pasaran (Suzana Mohamed, 1999: 2).

Secara kesimpulannya, min keseluruhan yang diperolehi ialah 2.97 yang berada di bawah skala sederhana iaitu di antara 2.50 hingga 3.49 sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam jadual 4.42 yang menunjukkan apakah ibu bapa Melayu muslim bandar cenderung untuk membelikan telefon bimbit kepada anak-anak.

Rumusan

Hasil kajian yang dijalankan, penyelidik mendapati terdapat banyak masalah dan kesan negatif terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Perkara tersebut perlu di beri perhatian oleh semua pihak dan perlu berganding bahu bersama dalam menyelesaikannya. Justeru itu, penyelidik mengharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam menentukan langkah-langkah seterusnya untuk menjamin masa depan pelajar-pelajar samada sekolah menengah atau sekolah rendah pada masa akan datang.

Rujukan

- Abd Aziz @ Ahmad Bin Mohd, Mohamad Suhaimi Jaafar dan Haji Abdul Rhaffor Haji Mahmud (1999). *Psikologi Remaja/Pelajar*. Seminar Kebangsaan Tindakan Bersepadu Menangani Gejala Sosial Prosiding. Pusat Islam Universiti Sains Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2001). *Perubahan Paradigma Nilai*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah A.M (2000). *Remaja Muslim Antara Rintangan Dan perjuangan*. Kuala Lumpur: Al- Hidayah Publishers.
- Abdullah Basmeih (2000). *Tafsiran Pimpinan kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Fuad Firdaus Ahmad Sanusi (2005). *Pedoman Pendidikan Islam*. Pustaka Abu Hurairah.
- Afiq Hanif (2007, 12 September). *Tingkat Amalan Dalam Era Digital*. Metro: Halaman 1-3.
- Ainal Akmar Haji Ahmad (2004). *Penggunaan Telefon Bimbit Sebagai Saluran Komunikasi Di Kalangan Mahasiswa*. Universiti Malaya: Tesis dan Disertasi.
- Alex Wong (2003, 15 Februari). *SMS Cinta Popular di kalagan Remaja*. Berita Harian. Halaman 8.
- Azman Che Man (2006, 23 Jan). *Larangan guna telefon bimbit diyakini beri kesan positif*. Utusan Malaysia Online.
- Azlah Ismail (2006). *Amalan Pengurusan Masa Pelajar Sekolah Menengah Lughatil Arabiah Tangkak Terhadap aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum : Satu Kajian*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

- Azlina Azmi (2005). *Industri Telekomunikasi Dan Tertumbuhan Ekonomi Malaysia*. Universiti Malaya: Tesis dan Disertasi .
- Azran Jaffar dan Nasron Sira Rahim (2006, 22 Jan), *Telefon Bimbit Lebih Memudaratkan Pelajar*. Berita Minggu Online.
- Chong, Pui San, (1999). *Analisis tahap kesetiaan dan kepuasan pengguna terhadap tiga jenama telefon mudah-alih di Taman Ungku Tun Aminah, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas projek (Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi)).
- Dean Andrew (2005). *Cool 101 Smartphone Techhniques*. Indianapolis: Wiley Publishing, Inc.
- Everett M. Rogers terj Zulkarnina Mess (1993). *Teknologi Komunikasi Media Baru dalam Masyarakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Faizah Faiz (2007). *Teknologi Telefon Bmbit Bergerak Sepantas Kilat*. DEWAN SISWA. Halaman: 36-37.
- Farisharman Haji Fauzi (1995). *Faktor-Faktor Pemilihan Antara Telefon Mudah Alih dan Keluli Kajian kes: Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.